

**Perdana Menteri Seronok Berinteraksi Secara Langsung Dengan Rakyat
Bernama
4 Oktober, 2012**

PUTRAJAYA, 4 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan peluang beliau berinteraksi secara langsung dengan rakyat menggunakan pelbagai teknologi terkini adalah sesuatu yang menyeronokkan.

"Ini kerana saya dapat mengembangkan teknologi baru yang disebut perkembangan sosial media. Kita dapat gunakan kaedah yang belum pernah kita cuba sebelum ini," kata Perdana Menteri menjawab soalan tentang kepuasan yang beliau peroleh sebagai seorang pemimpin ketika dapat berinteraksi secara langsung dengan rakyat.

Beliau menjawab soalan terakhir moderator Suhaimi Sulaiman dalam program #Tanya Najib: Belanjawan 2013 yang diadakan di Seri Perdana di sini Rabu malam.

Program itu juga disiarkan secara langsung menerusi laman YouTube dan Astro Awani selama satu jam.

Menurut perdana menteri, menerusi perbincangan di pelbagai laman sosial seperti Facebook dan Twitter seperti itu, pelbagai lapisan masyarakat termasuk dari dalam dan luar negara berpeluang menonton diskusi tersebut secara langsung.

"Pada saya, kalau guna cara konvensional seperti dulu tidak mungkin kita dapat faham penyertaan rakyat secara langsung," katanya.

Najib berharap penggunaan media sosial untuk berinteraksi bersama rakyat dapat diteruskan pada masa akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699475>